

SIARAN MEDIA

14 OKTOBER 2023

ALAM FLORA CATAT PENINGKATAN 82% KUTIPAN BARANGAN KITAR SEMULA DI KUANTAN

Kuantan, 14 Oktober, 2023 – Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora) yang juga merupakan anak syarikat milik penuh Malakoff Corporation Berhad (Malakoff) mencatatkan peningkatan sebanyak 82 peratus kutipan barangan kitar semula di Kuantan terutamanya selepas Pusat Pandu Lalu Belian Semula (DTRC) di Taman Gelora diwujudkan sejak dua tahun yang lalu.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Alam Flora, YBhg. Dato' Mohd Zain Hassan, peningkatan tersebut merupakan pencapaian yang membanggakan bagi Alam Flora. Ia merupakan salah satu inisiatif yang diperkenalkan oleh Alam Flora dalam usaha meningkatkan kesedaran dan penyertaan masyarakat dalam membudayakan amalan kitar semula. Dengan adanya pusat ini, penduduk sekitar Kuantan boleh menjual barangan kitar semula mereka di samping menyokong usaha kelestarian alam sekitar dan pemuliharaan sumber-sumber alam yang penting.

Pada tahun 2022, Alam Flora telah mengutip sebanyak 22 tan barangan kitar semula dan pada tahun 2023 pula, sebanyak 40 tan telah dikutip bermula Januari sehingga Ogos menerusi kegiatan jual balik di Pusat Belian Semula Kitar Semula di Taman Gelora dan di Pusat Bandar Kuantan serta program 'Trash to Cash' anjuran Alam Flora di kawasan-kawasan perumahan di sekitar Kuantan yang mendapat sambutan yang menggalakkan.

Program-program yang dirancang oleh Alam Flora ini, adalah bagi menyokong usaha kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) yang menetapkan sasaran 40 peratus kadar kitar semula menjelang tahun 2025. Kadar kitar semula di Malaysia ketika ini adalah pada tahap 33.1 peratus.

Beliau berkata demikian selepas majlis pelancaran Karnival Saya Sayang Bumi yang dirasmikan oleh Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuantan, YBhg. Dato' Razihan bin Adzharuddin di Taman Gelora, Kuantan.

Karnival Saya Sayang Bumi

Sehubungan dengan itu, penganjuran Karnival Saya Sayang Bumi 2023 amat bertepatan diadakan di Kuantan pada hari ini, bagi memberi kesedaran berterusan dan mempromosikan kepentingan penjagaan alam sekitar serta amalan kitar semula dalam kalangan masyarakat

di Kuantan. Karnival yang dianjurkan buat julung kalinya oleh Alam Flora ini merupakan inisiatif terkini dalam rangka meningkatkan kesedaran terhadap isu-isu alam sekitar dan menyokong usaha kelestarian alam terutamanya di Pahang.

Penganjuran karnival ini juga selaras dengan hasrat kerajaan negeri untuk mempromosikan kelestarian alam dan amalan kitar semula dalam usaha menjaga keindahan dan kebersihan negeri di Kuantan. Karnival Saya Sayang Bumi menampilkan pelbagai program, persembahan dan aktiviti yang menarik bagi semua peringkat umur serta menyediakan peluang kepada penduduk tempatan untuk belajar lebih lanjut tentang pentingnya menjaga bumi kita bersama-sama oleh pempamer yang turut serta dalam karnival tersebut.

Karnival ini juga dilihat sebagai langkah penting dalam mencapai matlamat menjadikan Kuantan sebagai bandar yang lestari dan mesra alam. Selain itu, ia akan menjadi platform untuk mempromosikan penyertaan aktif masyarakat dalam usaha kelestarian alam dan memupuk semangat cintakan bumi.

Karnival Saya Sayang Bumi juga merupakan sebahagian daripada inisiatif Malakoff Environmental Solutions, salah satu daripada tiga cabang bisnes Malakoff yang memfokuskan kepada pengurusan dan penyelesaian alam sekitar untuk komuniti dan planet ini. Ia juga sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals) 12 iaitu penggunaan dan pengeluaran yang menggalakkan infrastruktur serta sumber tenaga yang mampan.

Mengenai Alam Flora

Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora), adalah anak syarikat Malakoff Corporation Berhad (Malakoff), yang ditubuhkan bagi memodenkan pengurusan sisa pepejal di Malaysia serta meningkatkan kecekapan dan mutu pengurusan sisa pepejal daripada peringkat penjanaan sisa sehingga ke proses pelupusan sampah. Alam Flora merupakan salah sebuah syarikat konsesi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negara ini yang bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan di Semenanjung, meliputi seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Pahang.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Farizan Hj. Yop @Ejan, Penolong Pengurus, Jabatan Komunikasi Korporat & Penjenamaan

Mobile: +6019-6011678, Email: farizan@alamflora.com.my

Haziqah Anuar, Eksekutif Kanan, Jabatan Komunikasi Korporat & Penjenamaan

Mobile: +6012-2294878, Email: haziqah@alamflora.com.my